JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI JOHOR
Tingkat 3, Blok B, Wisma Persekutuan,
Jalan Ayer Molek, 80888 Ibrahim International Business District,
Johor Darul Ta'zim
Telefon : +607 – 223 2614
Faks (Fax) : +607 – 223 4487
Laman Web (Web) : www.jbsjohor.gov.my

Ruj Kami : JBSJ (700) 5-1/28 JLD 1 (40)
Tarikh : 20 Julai 2026

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak,
80604 Johor Bahru
JOHOR

Tuan,

MEMOHON HEBAHAN DAN PENGLIBATAN PELAJAR SEKOLAH BAGI PERTANDINGAN AEROBIC DANCE PERINGKAT NEGERI JOHOR 2026

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor dengan kerjasama Kelab Sukan Kecergasan Senggarang akan menganjurkan Pertandingan Aerobic Dance Peringkat Negeri Johor 2026 pada 23 Ogos 2026 (Ahad) bertempat di Dewan Jubli Intan Johor Bahru.

3. Program ini bertujuan untuk mempromosi sukan Aerobic Dance dan meningkatkan kualiti penyertaan berdasarkan komponen *"Code of Point"* peringkat kebangsaan (FIG). Hanya satu kategori dipertandingkan iaitu Terbuka Remaja (17 tahun ke bawah) dan pertandingan ini mensasarkan seramai 200 orang peserta.

4. Sehubungan itu, Jabatan ini ingin memohon pertimbangan tuan untuk membenarkan penglibatan pelajar dalam program ini dan membuat hebahan program kepada sekolah-sekolah yang berminat. Bersama-sama ini disertakan poster pertandingan dan kod QR pendaftaran untuk tindakan tuan jua. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi Cik Glendalyn Johny di talian 019-8951396 atau e-mel di alamat glendalynjohny@kbs.gov.my.

Perhatian dan sokongan tuan atas perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMMAD KHAIRUL BIN MOHD DAM)
Penolong Pengarah Kanan (Sukan)
b.p. Pengarah
Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor

KOD QR PENDAFTARAN

POSTER PERTANDINGAN AEROBIC DANCE PERINGKAT NEGERI JOHOR 2026

